

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan jalan raya di kawasan Baram. Mohon penjelasan sama ada kemudahan jalan raya dari Pekan Lapok/KM 10/Long San/ Long Bangga/Bario dan KM 10/Long Silat/Long Jekitan Ulu Baram serta Pekan Lapok/ Long Jegan/Long Aton akan dibina seperti yang dipohon sejak sekian lama kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan jalan raya dari Pekan Lapok/KM 10/Long San/ Long Bangga/Bario dan KM 10/Long Silat/Long Jekitan Ulu Baram serta Pekan Lapok/ Long Jegan/Long Aton tidak tersenarai di dalam Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri yang telah diterima oleh Kementerian.

Namun begitu, sekiranya terdapat keperluan mendesak, dipohon Yang Berhormat untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri dan Kementerian ini supaya dimasukkan ke dalam senarai keutamaan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (EPU, MEA) dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan. Sekian, terima kasih.